



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2010/2011**

NAMA KURSUS	:	TAMADUN ISLAM DAN TAMADUN ASIA
KOD KURSUS	:	UMA1162/UWA10302
PROGRAM	:	1 BDD/BFF/BIT/BPA/ BPB/BPC/BPD/ 2 BDD/BFF/BIT/BPA/ BPB/BPC/BPD/ 3 BEE 4 BEE
TARIKH PEPERIKSAAN	:	APRIL / MEI 2011
JANGKA MASA	:	2 JAM
ARAHAN	:	A) JAWAB SEMUA SOALAN DALAM BORANG OMR YANG DISEDIAKAN B) DILARANG MEMBAWA KERTAS SOALAN INI KELUAR DARI DEWAN PEPERIKSAAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI LAPAN BELAS (18) MUKA SURAT

- S1 _____ membincangkan teori, konsep-konsep asas, ciri serta sifat tamadun secara konseptual, teoritikal dan abstrak.
- A Pengajian ketamadunan
 - B Sejarah ketamadunan
 - C Kebudayaan
 - D Falsafah ketamadunan
- S2 Berikut adalah istilah-istilah tamadun **kecuali**
- A *Umran.*
 - B *Madyan.*
 - C *Hadarah.*
 - D *Madaniyyah.*
- S3 Siapakah penulis terawal yang mengupas dan memperkenalkan idea pengajian ketamadunan?
- A Farid Wajdi
 - B Jurji Zaydan
 - C Ibnu Khaldun
 - D Muhammad Abduh
- S4 Apakah penanda aras yang digunakan oleh Barat untuk menggambarkan maksud tamadun (*civilization*)?
- I Penempatan di kawasan perbandaran
 - II Pencapaian dalam aktiviti perekonomian
 - III Pencapaian dalam bidang ilmu dan teknologi
 - IV Penyusunan struktur politik dan kemasyarakatan
- A I dan II
 - B III dan IV
 - C I,II dan IV
 - D Semua di atas
- S5 Istilah _____ lebih menepati kepada konsep tamadun Islam dan berpusat kepada wahyu.
- A *umran badawi dan umran hadhari*
 - B *hadharah dan madaniyyah*
 - C *hadharah dan tamadun*
 - D *madani dan thaqafah*

- S6 Apakah ciri ketamadunan yang **paling** utama?
- A wujudnya sistem kepercayaan dan agama
 - B kewujudan sistem perundangan yang teratur
 - C kewujudan sistem organisasi dan institusi sosial
 - D peningkatan daya reka cipta dalam penciptaan teknologi
- S7 Pilih pernyataan yang **benar** mengenai hubungan antara tamadun dan agama.
- A Kehidupan di kota tidak selari dengan kehidupan beragama
 - B Kehidupan beradab merupakan tuntutan kehidupan beragama
 - C Tamadun dan agama tidak mempunyai kaitan kerana kedua-duanya merupakan perkara yang berasingan
 - D Tamadun merujuk kepada pencapaian manusia dalam kehidupan bermasyarakat manakala agama adalah mengenai kepercayaan sahaja
- S8 “Peringkat perkembangan tamadun dikaitkan dengan sikap yang ada dalam diri seseorang. Jika sikap untuk mempertahankan pencapaian tamadun berubah, maka tamadun akan behadapan dengan kemunduran.”
- Pernyataan ini diberikan oleh _____
- A Ibn Khaldun
 - B Jurji Zaidan
 - C Muhammad Farid Wajdi
 - D Syed Muhammad Naquib Al- Attas
- S9 Perkara-perkara yang boleh membawa kepada keruntuhan sesebuah tamadun adalah:
- I Pemerintahan yang zalim.
 - II Nilai-nilai moral yang rapuh.
 - III Penghijrahan manusia.
 - IV Peperangan yang berpanjangan.
- A I dan II
 - B III dan IV
 - C I, II dan IV
 - D Semua di atas
- S10 Semua pernyataan di bawah adalah merujuk kepada dasar tamadun Islam **kecuali**
- A pengabdian diri kepada Allah SWT
 - B berorganisasi atas asas akidah
 - C keagungan dan keluhuran nilai kebendaan berbanding dengan nilai rohani
 - D berfungsinya nilai-nilai kemanusiaan yang menyebabkan berkembangnya sifat kemanusiaan “manusia” bukan sifat “kebinatangan”

S11 Apakah tiga fasa utama dalam teori kitaran yang dikemukakan Ibnu Khaldun?

- I Tahap awal kelahiran
- II Tahap lemah atau kejatuhan
- III Tahap pasca-tamadun
- IV Tahap kehidupan bertamadun

- A I dan II
- B III dan IV
- C I, II dan IV
- D Semua di atas

S12 Apakah asas utama dalam konsep dan pandangan semesta Tamadun Islam?

- A Menilai mana yang baik dan boleh diikuti.
- B Memelihara, memperbaiki dan menghormati hak-hak yang telah dianugerahkan oleh Allah kepada hamba-Nya di dunia
- C Mencari makna kebenaran dalam kehidupan yang sebenar dengan berpegang pada ajaran al-Quran dan as-Sunnah
- D Meningkatkan kesejahteraan manusia sejagat supaya dapat meningkatkan hakikat iman yang sebenar

S13 Pilih pernyataan yang **tidak** benar tentang sifat-sifat tamadun Islam

- A Universal atau sejagat
- B Berubah mengikut peredaran zaman
- C Keseimbangan antara rohani dan jasmani
- D Toleransi terhadap tamadun dan budaya lain

S14 Interaksi antara tamadun boleh berlaku sekiranya sesebuah tamadun mempunyai sifat-sifat

- I keterbukaan
- II persefahaman
- III kemakmuran manusia dan negara
- IV keseimbangan kemajuan kebendaan dan kebudayaan

- A I dan II
- B III dan IV
- C I, II dan IV
- D Semua di atas

- S15 Berikut adalah pernyataan yang paling **tepat** mengenai kepentingan akhlak dalam menjamin kesinambungan sesebuah tamadun.
- A Akhlak penting kerana agama menganggapnya penting
 - B Nilai akhlak boleh berubah-ubah mengikut kesesuaian akal manusia
 - C Akhlak yang baik boleh memberikan kesan positif terhadap kehidupan
 - D Kemantapan akhlak menyebabkan tamadun manusia seimbang dari aspek fizikal dan spiritual
- S16 Apakah keistimewaan tamadun Islam berbanding tamadun yang lain
- A tamadun Islam berpusat di kota
 - B asas tamadun Islam merupakan manusia
 - C tamadun Islam mementingkan pencapaian teknologi sebagai matlamat
 - D tamadun Islam terbina melalui pencapaian manusia yang dihasilkan oleh manifestasi
- S17 Apakah perkara asas dalam pembinaan Tamadun Islam?
- A akidah, syariah, akhlak
 - B akidah, al-quran, as-Sunnah
 - C akidah, syariah, akhlak
 - D akidah, akilah, syariah
- S18 Apakah sumbangan terbesar Islam terhadap Tamadun Melayu?
- A Memastikan kehidupan sosial yang harmoni semata-mata
 - B Memberi 'jiwa' dan 'rupa' terhadap kemajuan yang sebenar
 - C Menyediakan panduan ke arah kejayaan dalam aspek material
 - D Menekankan kepentingan pendidikan sebagai sumber pembinaan modal insan
- S19 Apakah yang dimaksudkan ciri umum dan sejagat dalam Tamadun Islam?
- I Mencakupi seluruh aspek kehidupan
 - II Seruan keadilan untuk semua insan
 - III Menekankan peringkat tertinggi pencapaian manusia
 - IV Mempunyai kesesuaian pada semua tempat dan masa
- A I dan II
 - B III dan IV
 - C I, II dan IV
 - D Semua di atas

- S20 Apakah maksud manusia sebagai 'makhluk mukallaf' menurut perspektif Islam?
- A manusia yang memerlukan bimbingan
 - B manusia yang baru memeluk agama Islam
 - C manusia yang mempunyai nilai yang tinggi dari segi penciptaan
 - D manusia adalah makhluk yang dipertanggungjawabkan dengan kewajipan tertentu.
- S21 Pernyataan berikut adalah benar mengenai teori kedatangan Islam ke Alam Melayu dari Tanah Arab **kecuali**
- A pengaruh pakaian masyarakat Arab
 - B penemuan batu bersurat di Terengganu
 - C hubungan perdagangan dengan Asia Barat
 - D peranan ulama Arab dalam proses pengislaman
- S22 Setiap tamadun memiliki jati diri yang berbeza dengan tamadun lain. Penghuraian tentang aspek ini memerlukan penilaian terhadap aspek-aspek luaran dan dalaman kepada setiap tamadun berkenaan. Justeru ungkapan “berbeza dengan tamadun Islam, tamadun Cina dan India” adalah penjelasan kepada pernyataan
- A “mementingkan aspek kebudayaan”
 - B “banyak dipengaruhi oleh faktor agama”
 - C “lebih bersifat lokal yang berkisar di kawasan mereka sahaja”
 - D “lebih bersifat sejagat dan menyeluruh ke kawasan-kawasan lain”
- S23 Berikut adalah perkara yang **benar** mengenai sains dan teknologi dalam Islam
- I Segala ilmu sains dan teknologi barat bercanggah dengan syariat
 - II Matlamat utama ilmu dalam Islam ialah kesenangan di dunia
 - III Segala ilmu sains dan teknologi datangnya daripada Allah
 - IV Ilmu sains dan teknologi sebagai alat memperhambakan diri kepada Tuhan
- A I dan II
 - B III dan IV
 - C I, II dan IV
 - D Semua di atas

- S24 Susun dasar-dasar tamadun Islam yang berikut mengikut keutamaannya
- A Memelihara akal, nyawa, agama, kehormatan dan harta
 - B Memelihara agama, akal, nyawa, harta dan kehormatan
 - C Memelihara agama, nyawa, akal, harta dan kehormatan
 - D Memelihara akal, agama, nyawa, kehormatan dan harta
- S25 Berikut adalah sifat-sifat Tamadun Islam **kecuali**
- A kesatuan dalam kepelbagaian
 - B toleransi terhadap kesilapan umatnya
 - C keseimbangan antara rohani dan jasmani
 - D sempurna dan menyeluruh
- S26 Berikut adalah pernyataan yang **tepat** mengenai pandangan Islam tentang Tuhan yang menjadi intipati dalam perbahasan ilmu ketamadun
- A Allah adalah pencipta alam dan bersifat dengan nama-Nya yang indah
 - B Tuhan merupakan matlamat semua urusan pembinaan tamadun manusia
 - C Tauhid Uluhiyyah hanya diimani oleh muslim dan tidak diyakini oleh non-muslim
 - D Tauhid Rububiyah hanya diimani oleh muslim dan tidak diyakini oleh non-muslim
- S27 “*Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia*”
Hadis Riwayat Bukhari).

Hadis di atas menunjukkan pentingnya akhlak dalam kehidupan manusia. Pernyataan berikut adalah benar tentang akhlak, **kecuali**

- I Seseorang yang memiliki ketinggian akhlak mempunyai darjat keimanan yang tinggi
 - II Banyak tamadun yang runtuh akibat keruntuhan dan kerosakan akhlak manusia
 - III Akhlak *mazmumah* adalah akhlak yang terpuji
 - IV Akhlak dalam Islam adalah sama konsepnya dengan etika yang dibawa oleh Barat
- A I dan II
 - B III dan IV
 - C I, II dan IV
 - D Semua di atas

S28 Akidah Islam menepati pernyataan berikut **kecuali**

- A Akidah adalah ikatan perjanjian antara manusia dengan Allah
- B Akidah dapat membentuk perasaan ukhuwah, kasih sayang dan hormat menghormati
- C Akidah adalah amalan hati yang harus diamalkan melalui amalan zikir
- D Akidah adalah urusan peribadi yang tidak akan terzahir pada perbuatan seharian

S29 Berikut adalah pernyataan benar mengenai kejayaan tamadun Islam **kecuali**

- A memiliki pengetahuan yang tinggi
- B menjadikan agama sebagai asas utama
- C memiliki kejayaan dunia yang lebih utama
- D menghargai fitrah semulajadi yang ada pada manusia

S30 Apakah pernyataan yang **paling** tepat bagi menggambarkan fasa kelemahan tamadun menurut sejarawan British, Arnold Toynbee (1889-1979 M)?

- A Golongan majoriti menghakis hak-hak minoriti
- B Nilai-nilai akhlak dan moral yang semakin hilang
- C Wujud kelompok pemimpin yang salah menggunakan kuasa
- D Bencana alam serta penyakit yang menular di kalangan masyarakat

S31 Berikut adalah antara tujuan utama jihad dalam Islam **kecuali**

- A mempertahankan Islam dan ajaran Islam
- B meluaskan negara dan jajahan takluk pemerintahan Islam
- C meluaskan syiar Islam melalui pendekatan dakwah *bil hikmah*
- D membela kepentingan orang-orang Islam daripada kezaliman pihak musuh

S32 Berikut pernyataan yang paling **benar** mengenai jihad nafsu

- A jihad dalam mengawal tuntutan dalaman
- B jihad dalam membela kedaulatan negara
- C Jihad mentaati Allah, tunduk dan patuh kepada-Nya
- D Jihad untuk meningkatkan penguasaan ekonomi demi kesejahteraan rakyat

S33 Apakah pernyataan yang **paling** tepat mengenai konsep Jihad dalam Islam?

- A Ajaran mementingkan kehidupan dunia tanpa mengambil kira kehidupan akhirat
- B Tindakan mencerooboh negara bukan Islam satu kewajipan
- C Kedudukan kaum wanita ditentukan oleh kaum lelaki
- D Jihad tidak hanya berkaitan dengan peperangan bersenjata

- S34 Apakah yang dimaksud dengan Sekularisme menurut perspektif Islam?
- A pengasingan ajaran Islam dari kehidupan seharian
 - B pengasingan zaman dahulu dengan zaman sekarang
 - C proses pengasingan urusan dunia dari ajaran agama
 - D amalan cara hidup yang mementingkan urusan dunia
- S35 Semua pernyataan berikut berkaitan dengan tuntutan dan pengisian Jihad dalam Islam seperti yang dibuktikan pada kegemilangan tamadun Islam, **kecuali**
- A tuntutan jihad pada hakikatnya berkaitan dengan proses memantapkan minda dan keperibadian diri
 - B mengangkat martabat keintelektualan insaniah yang maksimum
 - C mengangkat martabat diri dengan memutuskan hubungan keduniaan secara total
 - D mengisi tuntutan jihad dan mempertahankan martabat kemuliaan insan
- S36 Manakah di antara berikut merupakan perkara yang merujuk kepada pengistilahan Melayu?
- A Ras, kebudayaan dan bahasa
 - B Pakaian, kebudayaan dan bahasa
 - C Kebudayaan, iklim dan bahasa
 - D Pemikiran, kebudayaan dan iklim
- S37 Berikut adalah nama-nama yang merujuk kepada wilayah yang didiami oleh orang-orang Melayu di Asia Tenggara **kecuali**
- A gugusan kepulauan melayu (*Malay Archipelago*)
 - B gugusan Kepulauan Melayu-Indonesia
 - C gugusan Melayu Afrika
 - D gugusan alam Melayu, dan Tanah Jawi
- S38 Apakah takrif orang Melayu menurut perkara 160 Perlembagaan Persekutuan
- I Beragama Islam
 - II Berbahasa Melayu
 - III Tinggal di pesisir pantai
 - IV Mengamalkan adat istiadat Melayu
- A I dan II
 - B III dan IV
 - C I, II dan IV
 - D Semua di atas

- S39 Siapakah yang mengemukakan teori bahawa Islam dibawa terus dari Semenanjung Arab ke Alam Melayu pada kurun ke-7?
- A John Crawford
 - B G.E Marrison
 - C J.P. Moquette
 - D Snouck Hurgronje
- S40 Apakah Dua empayar melayu awal yang merupakan asas kepada pembentukan asal-usul Tamadun Melayu?
- A Empayar Funan dan Empayar Majapahit
 - B Empayar Funan dan Empayar Sri Langka
 - C Empayar Funan dan Empayar Sri Vijaya
 - D Empayar Funan dan Empayar Demak
- S41 Apakah Dua elemen utama yang mewarnai wilayah Kepulauan Melayu?
- A Bahasa Melayu dan agama Islam
 - B Adat istiadat Melayu dan cara hidup Melayu
 - C Sistem perundangan Islam dan kitab-kitab Jawi
 - D Sistem perdagangan dan pengaruh agama Hindu
- S42 Apakah perubahan bentuk kepercayaan dan corak kehidupan masyarakat Melayu selepas kedatangan Islam?
- A Kepercayaan kepada Allah dan Rasulnya bertukar kepada Dewa dan Animisme
 - B Kepercayaan kepada Dewa bertukar kepada kepercayaan kepada Allah s.w.t.
 - C Kepercayaan kepada Dewa bertukar kepada kepercayaan kepada animisme
 - D Kepercayaan kepada Allah dan Rasulnya bertukar kepada kepercayaan yang meyakini banyak tuhan
- S43 Nyatakan pembahagian konsep tauhid
- A Uluhiyah dan Rububiyah
 - B Ubudiyah dan Rabbaniyah
 - C Uluhiyah dan Rabbaniyah
 - D Ubudiyah dan Rububiyah

- S44 Manakah antara pernyataan di bawah merupakan faktor-faktor yang membawa kepada perkembangan Islam di Tanah Melayu?
- A Perdagangan, perkahwinan, pertanian, perlumbaan penyebaran agama, keunggulan dan kebijaksanaan pendakwah
 - B Perdagangan, perkahwinan, pengislaman pemerintah, perlumbaan penyebaran agama, keunggulan dan kebijaksanaan pendakwah
 - C Perdagangan, perkahwinan, perlumbaan penyebaran agama, keunggulan dan kebijaksanaan pendakwah serta aktiviti perikanan
 - D Perdagangan, perkahwinan, peperangan, perlumbaan penyebaran agama serta keunggulan dan kebijaksanaan pendakwah
- S45 Nyatakan teori kedatangan Islam ke Alam Melayu
- A Tanah Arab, India, China dan Champa
 - B Tanah Arab, India, China dan al-Jazair
 - C Tanah Arab, India, Pakistan dan China.
 - D Tanah Arab, Pakistan, India dan Champa
- S46 Apakah sistem dalam masyarakat Cina yang bertujuan untuk mengawal keluarga dan negara?
- A Konsep Zhong dan Xiao
 - B Konsep Fong dan Sue
 - C Konsep Chun dan Qin
 - D Konsep Cheng dan Hoe
- S47 Apakah Fahaman yang merangkumi Konsep *Tian* dalam pandangan semesta Tamadun Cina?
- I Tian adalah kuasa penentu nasib sesebuah dinasti
 - II Tian adalah kuasa penentu nasib sesebuah dinasti
 - III Tian adalah yang maha agung dan mengatasi segala sesuatu
 - IV Tian adalah kuasa penentu kebahagiaan dan kesengsaraan insan
- A I dan II
 - B III dan IV
 - C I, II dan IV
 - D Semua di atas
- S48 Di manakah pusat pertumbuhan Tamadun Cina di sebelah utara?
- A Chang Jiang
 - B Huang He
 - C Wilayang Shanxi
 - D Wilayang Shandong

- S49 Apakah pengertian konsep negara dalam tamadun Cina iaitu Zhong Guo membawa pengertian?
- A Negara Tengah.
 - B Wilayah Tengah.
 - C Negara Bangsa.
 - D Wilayah Tanah Jajahan.
- S50 Apakah sumbangan terbesar tamadun Cina terhadap perkembangan teknologi dunia ialah
- I Kompas
 - II percetakan
 - III bahan letupan
 - IV Pembuatan Kertas
- A I dan II
 - B III dan IV
 - C I, II dan IV
 - D Semua di atas
- S51 Konsep *Tian* yang mewarnai pandangan semesta dalam tamadun Cina adalah merujuk kepada empat fahaman utama **kecuali**
- A Tian adalah kuasa penentu nasib sesebuah dinasti
 - B Tian adalah yang maha agung mengatasi segala sesuatu
 - C Tian adalah kuasa penentu kebahagiaan dan kesengsaraan insan
 - D Tian merupakan prinsip agung yang mutlak, asal usul semua makhluk
- S52 Berikut merupakan pengertian kepada konsep *Dao* yang menjadi asas kepada pandangan semesta tamadun Cina **kecuali**
- A *Dao* bersifat azali (primordial)
 - B konsep *Dao* bermaksud jalan (*the way*)
 - C *Dao* adalah sifat mulia yang tidak melampaui batas
 - D *Dao* adalah prinsip agung yang mutlak serta asal usul semua makhluk
- S53 Timur Tengah, Indo Cina, India dan negara Cina adalah tempat-tempat yang dikaitkan dengan teori kedatangan Islam ke alam Melayu. Bagaimanapun analisis terhadap kenyataan fakta berikut adalah **tidak benar** mengenai teori kedatangan Islam ke alam Melayu
- A pengaruh pakaian masyarakat Arab
 - B tulisan jawi dan cara pembacaan al-Quran
 - C perhubungan perdagangan dengan Asia Barat
 - D peranan para ulama Arab dalam proses islamisasi

- S54 Apakah teori yang menyatakan percanggahan dan pertentangan dari dua aspek positif dan negatif?
- A Teori Shi dan Shu
 - B Teori Yin dan Yang
 - C Teori Zhongyong dan Junzi
 - D Teori Feigong dan Feiming
- S55 Bilakah kemuncak kegemilangan Islam di China?
- A Dinasti Yuan (1271-1368)
 - B Dinasti Han (206 SM-220 SM)
 - C Dinasti Ming (1368-1644)
 - D Dinasti Qin (221 SM-207 SM)
- S56 Di manakah bermulanya Tamadun Indo-Arya?
- A Lembah Ganges
 - B Sungai Gangga
 - C Wilayah Sind
 - D Sungai Indus
- S57 Apakah peranan yang dimainkan oleh orang-orang India sewaktu penghijrahan ke Asia Tenggara?
- A sebagai pentadbir dan tentera
 - B sebagai pedagang dan pelajar
 - C sebagai tentera dan mubaligh agama
 - D sebagai pedagang dan buruh perladangan
- S58 Bilakah kuasa Islam mula bertapak dalam Tamadun India?
- A Zaman Awal
 - B Zaman Vedik
 - C Zaman Pertengahan
 - D Zaman Penjajahan Barat
- S59 Nyatakan sistem kekeluargaan masyarakat India mengikut urutan menaik.
- A Brahmacharya, Grahasta, Vanaprasta, Sannyasa
 - B Grahasta, Brahmacharya, Sannyasa, Vanaprasta
 - C Sannyasa, Grahasta, Vanaprasta, Brahmacharya
 - D Sannyasa, Vanaprasta, Grahasta, Brahmacharya

- S60 Sistem kasta yang diamalkan dalam Tamadun India terdiri daripada
- I Brahmin
 - II Ksatriya
 - III Vaisya
 - IV Sudra
- A I dan II
 - B III dan IV
 - C I, II dan IV
 - D Semua di atas
- S61 Pilih pernyataan yang **benar** mengenai kesan pengaruh Tamadun India yang terdapat dalam masyarakat Melayu.
- A Karya Hikayat Panji Semerang
 - B Pemakaian sari untuk wanita
 - C Penggunaan warna kuning untuk keluarga diraja
 - D Penerimaan perkataan Sanskrit seperti kerusi, almari, paya dalam bahasa Melayu
- S62 Pilih kenyataan yang benar mengenai sumbangan kerajaan Islam daripada Dinasti Mughal dalam Tamadun India.
- A Membina kuil besar-besaran
 - B Memudahkan perkembangan sastera Tamil
 - C Memulihkan pergerakan Bhakti dalam mazhab Saiva dan Vaisnava
 - D Menggabungkan unsur-unsur Islam dan Hindu dalam pelbagai aspek
- S63 Apakah bentuk kepercayaan dan agama terbesar yang mendominasi masyarakat dalam Tamadun India?
- A Hindu, Buddha, Islam dan Sikh
 - B Hindu, Jaina, Bahai dan Zoroaster
 - C Hindu, Islam, Sikh dan Bahai
 - D Hindu, Buddha, Zoroaster dan Bahai
- S64 Siapakah pengasas ajaran agama Buddha?
- A Ramayana Gautama
 - B Siddhartha Gautama
 - C Bhagavadgita Gautama
 - D Raja Suddhodana Gautama

- S65 Apakah kesan peninggalan pemerintahan Islam yang diiktiraf oleh dunia sehingga ke hari ini dalam sejarah Tamadun India?
- A Kota Agra
 - B Taj Mahal
 - C Menara Qutb-Minar
 - D Bangunan Masjid di Agra
- S66 Apakah kesan daripada pertembungan Tamadun Barat dengan Tamadun Islam?
- A Tidak menghilangkan ciri-ciri jati diri bagi seseorang Islam
 - B Dunia pada hari ini seolah-olah 'sebuah dunia Barat yang besar' yang bersifat hegemoni
 - C Globalisasi kebudayaan kebendaan yang dicipta oleh dunia barat sama sekali tidak memberi kesan kepada Tamadun Islam dan Asia
 - D Jatidiri Tamadun Islam dan jatidiri Tamadun Asia tetap utuh dan teguh sebagaimana mulanya
- S67 Antara kenyataan berikut yang manakah **bukan** merupakan kesan positif hasil daripada interaksi Tamadun Barat terhadap Tamadun Islam
- A Meningkatkan perkembangan Sains dan Teknologi dan memberi manfaat kepada dunia Islam
 - B Membantu mengurangkan kemiskinan, meningkatkan taraf hidup dan membawa keselesaan material kepada masyarakat
 - C Pertumbuhan dan perkembangan ekonomi pasaran juga telah menambahkan kemewahan golongan menengah di kebanyakan negara
 - D Cara hidup Barat telah menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat Asia dan dunia amnya
- S68 Manakah antara berikut merupakan kesan pengaruh kuasa Barat terhadap sistem pemerintahan dan politik di negara-negara Islam?
- A Sistem politik dan pemerintahan negara-negara Islam telah dipengaruhi oleh sistem pemerintahan dan politik Barat
 - B Tersebar luasnya semangat demokrasi di dalam sistem politik global termasuk di dunia Islam
 - C Negara-negara Islam bebas untuk menentukan nasib dan hak bersuara mereka sendiri tanpa dipengaruhi oleh mana-mana kuasa
 - D Mana-mana negara yang tidak sehaluan dan bertentangan dengan dasar dan Tamadun Barat diberi kebebasan oleh kuasa besar Barat untuk menentukan polisi dan dasar masing-masing

- S69 Apakah pandangan Barat terhadap Islam selepas peristiwa 11 September 2001?
- A Islam semakin gah di Barat
 - B Islam dilabel sebagai penganas
 - C Islam semakin dihormati dan disanjung
 - D Kedudukan umat Islam semakin terancam
- S70 Apakah kesan besar peristiwa 11 September 2001 kepada umat Islam?
- A Islam semakin diterima oleh masyarakat Barat
 - B Presiden Amerika selalu menziarahi negara-negara Islam
 - B Golongan minoriti Islam di Barat sering diberikan perhatian
 - D Dialog antara golongan Islam Minoriti dan golongan Islam Majoriti semakin meningkat
- S71 Manakah antara berikut merupakan isu-isu utama yang dibincangkan dalam dialog antara tamadun?
- I Keganasan dan ketidakadilan
 - II Kejahilan tentang tamadun lain
 - III Pencapaian pelbagai bidang sains
 - IV Perebutan kuasa politik dan ekonomi
- A I dan II
 - B II dan IV
 - C I, II dan IV
 - D Semua di atas
- S72 Apakah faktor yang menyebabkan Amerika Syarikat menganggap 'dirinya' sebagai sebuah kuasa politik global?
- A Negara-negara lain memberi pengiktirafan akan kekuatan pengaruhnya
 - B Kekuatan ketenteraan dan militaranya
 - C Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa bersatu melantiknya sebagai 'polis dunia'
 - D Tidak ada negara-negara lain yang ingin menyaingi kekuatan pengaruh dan kehebatan ketenteraannya
- S73 Apakah negara yang mempunyai kuasa veto yang mendominasi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)?
- A China
 - B Rusia
 - C Perancis
 - D Amerika Syarikat

- S74 Globalisasi adalah fenomena yang sedang dihadapi oleh dunia moden hari ini. Berdasarkan kepada penilaian anda, maksud globalisasi dalam kenyataan berikut benar kecuali
- A dunia tanpa sempadan
 - B perkampungan kecil manusia
 - C proses yang melahirkan dunia tanpa sempadan
 - D penerapan ideologi barat terhadap dunia bukan barat
- S75 Manakah antara institusi-institusi global berikut yang tidak terlibat dalam mencorakkan bentuk ekonomi global dunia?
- A International Monetary Fund (IMF)
 - B World Trade Organisation (WTO)
 - C World Health Organization (WHO)
 - D Pertubuhan Negara-Negara G8
- S76 Apakah cabaran globalisasi yang dihadapi oleh dunia yang berbilang tamadun pada masa kini?
- I Dominasi Budaya Kebendaan Barat
 - II Dominasi Politik oleh Barat
 - III Dominasi Ekonomi oleh Barat
 - IV Dominasi Media oleh Barat
- A I dan II
 - B III dan IV
 - C I, II dan IV
 - D Semua di atas
- S77 Rumusan terhadap elemen yang melahirkan globalisasi dapat dihipunkan dalam aspek
- I ciptaan alat komunikasi yang semakin canggih
 - II pencapaian teknologi maklumat dan perhubungan
 - III penciptaan dan pelancaran satelit berkeupayaan tinggi
 - IV maklumat boleh didapati di hujung-hujung jari manusia
- A I dan II
 - B III dan IV
 - C I, II, dan IV
 - D Semua di atas

S78 Berikut merupakan ciri-ciri dominasi dunia barat untuk melakukan hegemoni kepada bukan barat?

- I Barat adalah pasar dan pelanggan barangan utama dunia
 - II Barat memiliki kekuatan kewangan dunia seperti Bank Dunia
 - III Orang Islam tidak ramai menetap di negara-negara utama Barat
 - IV Barat menguasai bahasa utama dunia melalui bahasa Inggeris
- A I dan II
 - B III dan IV
 - C I, II dan IV
 - D Semua di atas

S79 berpandukan kepada pernyataan berikut

“But they want to strengthen that domination to ensure they will not be successfully challenged either by the big East Asian or even the weak Muslim countries.” *Tun Mahathir Muhammad*

Apakah rumusan berkenaan hegemoni barat di atas?

- A Barat bersedia melakukan serangan militari
- B Barat tidak risau dengan dominasi negara kecil atau negara besar
- C Barat sedang memperkukuhkan dominasi mereka ke atas dunia Islam
- D Barat melakukan proses hegemoni dan dominasi dunia kini melalui globalisasi

S80 berpandukan kepada pernyataan berikut

“Fenomena globalisasi merupakan satu penyakit kepada manusia moden yang menyebabkan kerosakan dan kehancuran nilai kemanusiaan”. *Ali Shariati*
 “Berlaku kesamaan gaya hidup masyarakat dunia dalam abad ke-21 apabila diperhatikan kepada 3F (food, fashion & fun) global”. *J. Naisbit & P. Aburdence*

Apakah aspek yang merujuk pada pernyataan di atas berkaitan kemelut globalisasi?

- A proses globalisasi
- B dunia tanpa sempadan
- C implikasi negatif globalisasi
- D cabaran masyarakat dipengaruhi globalisasi